



4th INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXHIBITION ON ISLAMIC EDUCATION 2014 (ICIE 2014)

31st May - 2nd June 2014

Perdana Hotel, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Strategi Perpaduan Berpaksikan Pendidikan Semua Agama Kepada Penganutnya Secara Bersepadu: Usul Pendialog Perpaduan di Kelantan

MANSOR MOHD NOOR
NUR AZUKI YUSUFF
NAWI ISMAIL
NIK YUSRI MUSA

Abstrak

Pembinaan Dasar Perpaduan Negara wajib mengambilkira pandangan masyarakat akar umbi. Pendekatan *Town hall meeting* anjuran MKPN bersama JPNIN, KITA dan kerjasama pejabat SUK telah berjaya menetengahkan cadangan yang dirangka menjadi garis panduan sebagai strategi dasar Negara. Cadangan berbangkit terbaik dari pendialog negeri Kelantan ialah strategi berpaksikan pendidikan ke semua agama merujuk kepada penganutnya secara bersepadu berteraskan kehendak Rukun Negara dan peruntukan dalam Perlembagaan. Hasil dapatan secara diskriptif merujuk kepada keutamaan beragama, berperlembagaan dan semangat bernegara diketengahkan bersama beberapa model cadangan strategi perpaduan sebagai panduan pengamal pendidikan dan pemimpin Negara.

Abstract

The construction of the National Unity Policy ought to take into account the views of grassroots communities as a whole. The Town Hall meeting approach organized by MKPN together with JPNIN and KITA with the cooperation of SUK offices has fruitfully highlighted the relevant propositions to serve as guidelines for strategies of National Policy. The best recommendation being raised by the speaker from Kelantan; is the strategy that education should be premised in regards to all religions in reference to its followers within an integrated manner and based on the requirements of *Rukun Negara* in addition to the provisions of the National Constitution. Findings of a descriptive nature showing religious preferences, constitutional inclination and national spirit together with some proposed strategic unity models are highlighted as guidance to serve fellow educators as well as national leaders.

PENGENALAN

Dalam merangka strategi Perpaduan Negara, pandangan akar umbi wajib diambilkira. Melalui Pendekatan *Town hall meeting* dengan kerjasama antara Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi nasional (JPNIN) dan Institut Kajian Etnik Malaysia (KITA) idea Dialog Perpaduan telah direalisasikan.

Dialog Perpaduan dilancarkan (Sabtu Feb 22, 2014 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur) telah dirasmikan oleh Tan Sri Joseph Kurup, Menteri Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri. Ia merupakan satu daripada fokus perbincangan Majlis Perundingan Perpaduan Negara (MKPN)¹

Dialog Perpaduan bertujuan merumuskan Rangka Tindakan Perpaduan Negara sebagai inisiatif pelengkap yang boleh meningkatkan objektif perdamaian Perdana Menteri. Dialog dengan tema "Suara Akar Umbi" ini mengambilkira semua pandangan mengenai perpaduan negara dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Samada bersifat pengalaman, pencapaian, kebimbangan kritikal, penyelesaian dan cadangan. Sebanyak 18 dialog dianjurkan antara 22 Februari 2014 dan 30 Mac 2014.

Selain itu, MKPN turut mengfokuskan kepada agenda Perdamaian Negara. MKPN mengambilkira seruan perpaduan dan perdamaian Negara oleh Perdana Menteri pada Jan 29, 2014. Begitu juga ucapan YDPA sempena pembukaan sidang parlimen awal Mac 2014 lepas. Ia bertepatan

¹ Majlis Perundingan Perpaduan Negara (MKPN) Dialog Nasional dengan akar umbi Malaysia (Suara Akar UMBI - Suara Akar Umbi) MKPN Siaran Media Feb 15, 2014

dalam usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan ini melalui perpaduan dan kesepakatan dalam masyarakat. Agenda ini memerlukan sokongan penuh golongan belia menubuhkan jawatankuasa membincangkan isu-isu yang memberi kesan kepada perpaduan negara.

MKPN turut mengetengahkan fungsinya dalam membina resolusi secara aman dari konflik dan perbezaan. Majlis ini merangka galakan agar semua pihak memastikan resolusi aman sebagai cara yang terbaik ke hadapan dalam penyelesaian konflik dan penglibatan masyarakat. Galakan keamanan dan perpaduan seperti aktiviti Taman Rekreasi, "Solidariti UNTUK Malaysia" dan selainnya.

Kerangka Penyelidikan dan Penganalisisan Data

Kertas kerja bertujuan membina satu kerangka strategi perpaduan dengan mengambilkira pandangan masyarakat Kelantan secara khusus. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah Town Hall Meeting. Penganalisisan data adalah secara kualitatif dan diketengahkan dalam dua bentuk iaitu diskriptif dan model rancangan strategik. Hasil kajian ini bakal membantu membina hala tuju dasar perpaduan Negara melalui pengwujudan Pelan tindakan perpaduan Negara.

Pada Sabtu 1 Mac 2014, satu sesi Dialog berlangsung di Dewan Teratai, Pejabat SUK, Kota Bharu, Kelantan jam 9 pagi hingga 2 tengahari. Melibatkan Moderator Ybgh Dato'Hj Zainal Abd Kadir (bekas Pengarah JAKIM), ahli MKPN Datuk Seri Panglima Clarence Bongkos Malakun (Presiden Majlis Keamanan dan Keadilan Sabah) dan Datuk Seri Panglima John Sikayun (Presiden Perundangan Sabah), 25 Sekretariat dan Urusetia dari JPNIN dan SUK serta 402 orang perwakilan dari semua agensi kerajaan di Kelantan, institusi pengajian tinggi, persatuan peringkat komuniti dan etnik serta badan-badan bukan kerajaan.²

Program dialog ini berjaya membina asas satu garis panduan yang bakal menjadi dasar Negara. Idea perpaduan ini merujuk kepada kaedah *Button Up* dari bawah ke atas, ke akar umbi dan rakyat bicara dan kerajaan kena ikut suara rakyat.

Pengkaji turut merujuk kepada dapatan kajian berdasarkan pengamatan penerimaan mahasiswa sepanjang pengajaran kursus Etika Profesional dan Moral yang mengkhusus kepada pendidikan Etika dan Moral, manakala agama hanya sebahagian bentuk teori sahaja.

Suara Perpaduan Masyarakat Kelantan

Dapatan kajian secara diskriptif adalah merujuk kepada intipati dialog secara bersemuka ini. Merujuk kepada pernyataan Ybgh. Dato Zainal Abidin, jelas bahawa Kelantan berada pada tahap yang baik dalam usaha bagaimana membina perpaduan negara. Kelantan berjaya membangunkan perpaduan di antara etniknya dengan mengambilkira pengajian agama, seterusnya mahu teruskan kejayaan ini hingga ke anak cucu turun temurun. Pembinaan negara perlu mencapai status *baldatun toiyibah* yang aman makmur sejahtera dan mendapat keredhaan Allah.

Berdasarkan pengalaman, isu-isu yang berkaitan masalah perpaduan biasanya adalah isu tidak hormat menghormati, menjadikan agama sebagai alat bermusuhan sesama sendiri, politik kepartian serta suara kepimpinan dan individu yang menjadi batu api ingin menghancurkan negara.

Seramai 21 perwakilan telah mengemukakan usul di samping kesemua pandangan yang dirujuk kemudiannya melalui borang maklum balas secara terbuka.³ Penulis telah membahagikan usul

² National Unity Consultative Council (NUCC) National Dialogue With The Grassroots Of Malaysia (Suara Akar Umbi – Voice of The Grassroots) dalam proham.blogspot.com/2014/02/nucc-media-release-feb-15-2014.htm

³ Ehcok Chachan-pengerusi persatuan Siam Kelantan.

Hj. Mohammad Abdul Rahman, pemimpin KRT tinggal di belakang Hospital Machang.

Elbert Khor cina peranakan (7 keturunan) dan aktif dalam parti GERAKAN

Nik Zulkifli Teow, katanya satu-satunya Cina kacukan siam yang ada Nik.

Sirri Nem buah, Siam yang berasal dari Besut Terengganu, nikah mek siam Kelantan.

Prof. Mohamad Saat bin Ismail USM

En. Mohd fadzil Ng Abdullah, timbalan pengerusi MACMA Kelantan.

Siti hawa usm

Hj. Anwar Mohd Zain (Pengaroh KEMAS Kelantan)

Zamakhsyari bin Mohd (Presiden Persatuan Intelek....)

Asli bin Mat Deris (Pengerusi Rukun Tetangga Gunong. KRT orang Asli)

Asmadi GPMS

Pn. Saniah bt Daud. (Skuad Elit Wanita Machang)

Ikmal Ruzi Mohd RT rantau panjang

Mohd Izzudin (atau Yuzri) Ibrahim. Wakil mahasiswa dari (UiTM)Machang,Kelantan.

Hj. Yahya Mohamad (Pengerusi KRT, wakaf baru 1)

mereka kepada beberapa bahagian iaitu ancaman, peluang, cadangan jangka panjang dan jangka pendek dan perkara.

Bagi melengkapkan dapatan kertas kerja ini, pengkaji hanya mengfokuskan kepada isu pendidikan dan keagamaan yang dilontarkan oleh pendialog. Berikut adalah perinciannya:

Konsep Perpaduan sebenar

“Perlu merujuk kepada teras perpaduan umum. Contohnya selain agama ialah ekonomi dan budaya. Jangan kecamukkan masalah sedia ada.”

“Institusi JPNIN mesti wujud sebagai pengikat masyarakat pelbagai politik. “

“Penyelesaian kembali pada Allah dan Rasul. Masyarakat bukan Islam boleh bernaung di bawah kepimpinan bersyariat Islam.”

“Kikiskan pengenalan berorientasikan etnik/bangsa dengan konsep negara bangsa, kerana etnik ada *gap* di Malaysia.”

Ancaman

- i- Kurangnya penguatkuasaan dasar perpaduan, contohnya Bahasa Melayu kurang berkesan dimartabatkan oleh masyarakat sebagai alat perpaduan.
- ii- Masyarakat mempersoalkan pelaksanaan dasar pendidikan yang dikatakannya kurang konsisten.
- iii- Emosi dan prasangka *insecurity* kaum masih ada.
- iv- Mempertikaikan objektif perpaduan Negara. Hakikatnya semua masyarakat memainkan isu tersebut sedangkan matlamat utama mereka ialah isu hak dan kebajikan serta jaminan keselamatan.
- v- Ancaman merujuk kepada persepsi samada prejudis, stereotaip dan etnosentrik.
- vi- medium komunikasi mahasiswa adalah media sosial. Ada sumber boleh dipertikai kredibilitinya.
- vii- Ancaman oleh isu perkauman agama. Walhal tidak wujud perkara tersebut dalam ajaran beragama.
- viii- Tiada kawalan terbaik Media massa dan media elektronik.
- ix- Musuh luar mahu menggugat negara dan lemahkan kekuatan beragama.
- x- Rakyat kebanyakan tidak faham perlembagaan negara.

CADANGAN BERKAITAN

Urus Tadbir :

- i- Jadikan menteri yang jaga perpaduan sebagai Menteri kanan, kementerian dalam negeri perpaduan kebangsaan, keselamatan negara.
- ii- Adakan jawatan pengerak pembimbing perpaduan di peringkat negeri yang bertanggungjawab kepada SUK dan JPNIN. Untuk tingkat kemahiran urus perpaduan, konflik dan aura perpaduan, idola perpaduan, jalankan ceramah; bercakap dengan mulut dan dari hati.
- iii- Wujudkan muzium perpaduan di peringkat kebangsaan, sejarah tokoh, carta aliran sejarah mengikut perubahan negara, kegiatan perpaduan, menarik golongan muda untuk belajar dan berefleksi di situ.
- iv- **Disiplinkan Kepimpinan dan ahli politik:** Ahli parti politik kena patuh kepada perlembagaan parti masing-masing bukan kepentingan peribadi emosi.
- v- Soal politik penting, ada pemimpin, terjamah bangun negara, agama islam tinggi, melayu tonggak pemerintahan negara. Kembali kepada Allah dan Rasul

Hj. Rosli Mamat (Pengerusi KRT jajahan Pasir Mas)
Marimanan a/l Arumugan (IPCA) MIC, Kelantan, guru.
Hasmuni Chew Abdullah (MACMA Kelantan)
Tengku Abdullah Tuan Kecil (KRT. Pahi, Kuala Krai).
Ustaz Md Zain Hj. Deraman. Timbalan pengerusi KRT Kubang Kerian

Pendidikan dan Penyelidikan:

- i- Sistem pendidikan yang berpusatkan agama masing-masing untuk berbaik sesama agama
- ii- Penekanan agar mahasiswa menjadi agen perpaduan. Jelaskan isu perpaduan = perkara 3, 14, 153, 154, 181 dalam perlembagaan.
- iii- Mansuh Sekolah rendah pelbagai aliran (sekolah vernakular cina dan india dll.). Bagi mengurangkan kerenggan, belajar di sekolah kebangsaan yang mengguna bahasa melayu.
- iv- Namun ada pendialog yang ingin dikekalkan pelbagai aliran sekolah atas maksud mengekalkan tradisi.
- v- Perbanyakkan kajian tentang perpaduan sedia ada; cth. di kg di pasir mas
- vi- Masalah org bukan melayu yang menjauhi sekolah melayu. Keadilan peluang masuk matrikulasi dan universiti ditagih dalam membina semangat patriotik.
- vii- Buku teks sekolah dicadangkan pelbagai bahasa. Kena belajar bahasa ibunda dan bahasa melayu. Orang melayupun perlu belajar bahasa Cina dan India / bahasa lain.
- viii- Mengemaskinikan sistem pendidikan tadika KEMAS dan PASTI merujuk kepada *survival* bangsa.

Agama:

- i- Perpaduan di akar umbi melalui agama masing-masing. Agama tidak mengacau, bahkan jaminan kesejagatan. Panduan yang boleh difikir dengan logikpun.
- ii- Terap agama masing di sekolah. Realiti kini, pelajar bukan Islam diajar pendidikan moral sahaja menyebabkan tiada keinginan kuat menghidupkan agama dalam diri mereka.
- iii- Perlembagaan dan Perundangan: Ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang. Selamatkan rakyat yang terbanyak.
- iv- Meningkatkan mekanisme pencegahan, pengawalan untuk jaga *virality* dalam media sosial. Ambil tindakan terhadap yang mencabul Islam.
- v- Rukun Negara. Kepercayaan kepada Tuhan perlu direalisasikan dalam pendidikan. Tidak boleh guna Allah oleh agama lain.
- vi- Kuatkuasakan undang-undang, terutama dalam isu. Orang Islam kena selamat manusia sejagat.
- vii- Menjaga sensitiviti semua etnik. contohnya jangan panggil bukan Islam “kafir”, tetapi *dhimmi*, orang Cina dan India janganlah disuruh “balik negara asal”. Begitu juga sensitiviti institusi seperti mempersoalkan agensi kerajaan dalam pada tiada bukti menampakkan kepincangannya.
- viii- Keperluan toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat samada merujuk kepada isu agama, etnik mahupun politik.

Rumusan analisis diskriptif di sebalik Gelagat perwakilan

- i- Pendialog Siam dan Cina diberi tepukan gemuruh oleh peserta yang hadir kerana mengikatkan teras perpaduan negara dengan menerima budaya politik negara berpaksikan Islam, Melayu dan bahasa Melayu sebagai tunjang pembinaan negara bangsa.
- ii- Namun masih lagi ada di kalangan pendialog Melayu yang mahu sistem pendidikan negara dilaksanakan berdasar satu aliran kebangsaan; satu bahasa diajar di sekolah. Tetapi ada pula Pendialog Melayu dan Siam merasakan sekolah vernakular sudah menjadi amalan yang baik di negara ini hingga rakyat terbina identiti kumpulan etnik masing-masing dan memperkayakan pembudayaan serta kemajuan negara.
- iii- Pendialog India merasakan peluang dan akses pendidikan seperti sekolah berasrama, matrikulasi dan universiti agak terbatas kepada anak-anak orang India.
- iv- Usul pendialog India berkaitan pembelajaran semua Ilmu agama kepada setiap penganutnya bagi menggantikan pengajian pendidikan Moral mendapat tepukan gemuruh dari semua perwakilan.
- v- Pendialog-pendialog berpendapat kepimpinan politik dari pelbagai parti perlu mematuhi erti perpaduan negara. Perpecahan Melayu turut boleh mengugat perpaduan negara.
- vi- Pendialog di Kelantan yakin Perlembagaan dan Rukunegara adalah pengikat perpaduan antara pelbagai etnik di negara ini. Mereka bersetuju untuk mengangkat hubungan etnik di Kelantan terikat sesama Melayu, Siam, Cina dan India berdasar agama dan budaya Melayu sebagai model perpaduan negara dan integrasi nasional di Malaysia.

Model Rancangan Strategik

Dalam membina model Strategi Perpaduan Berpaksikan Pendidikan Semua Agama Kepada Penganutnya Secara Bersepadu, Usul daripada Pendialog Perpaduan di Kelantan perlu mengambilkira dapatan yang dibincangkan sebelum ini. Pengkaji membahagikan cadangan kepada 3:

Ancaman sebagai MASALAH yang ditempuhi

- i- Penguatkuasaan dasar perpaduan di samping pelaksanaan yang kurang konsisten
- ii- Bahasa Melayu kurang berkesan sebagai alat perpaduan.
- iii- Emosi, prasangka, *insecurity*, isu hak dan kebajikan serta jaminan keselamatan.
- iv- Persepsi samada prejudis, stereotaip dan etnosentrik.
- v- Tiada kawalan medium komunikasi, sumber yang boleh dipertikai kreadibilitinya.
- vi- Ancaman oleh isu perkauman agama. Walhal tidak wujud perkara tersebut dalam ajaran beragama.
- vii- Musuh luar gugat kekuatan beragama
- viii- Tak faham perlembagaan negara.
- ix- Isu kepimpinan dan politik kepartian.

Cadangan Berkaitan sebagai TINDAKAN

- i- Menteri perpaduan sebagai Menteri kanan yang mengawal kementerian dalam negeri, perpaduan kebangsaan dan keselamatan negara.
- ii- Adakan jawatan pengerak pembimbing perpaduan di peringkat negeri bertanggung jawab kepada SUK dan JPNIN.
- iii- **Perlembagaan dan Perundangan.** Ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang. Selamatkan rakyat yang terbanyak.
- iv- Meningkatkan mekanisme pencegahan, pengawalan untuk jaga *virality* dalam media social dan agensi penguatkuasaan lain.

Pendidikan dan Penyelidikan:

- i- Penekanan agar mahasiswa menjadi agen perpaduan. Jelaskan isu perpaduan dalam perlembagaan. (perkara 3, 14, 153, 154, 181).
- ii- Kempen tingkat kemahiran urus perpaduan, konflik dan aura perpaduan, idola perpaduan, jalankan ceramah; bercakap dengan mulut dan dari hati
- iii- Mansuh sekolah rendah pelbagai aliran. Belajar di sekolah kebangsaan yang mengguna bahasa melayu. Belajar di sekolah pelbagai aliran, pasti hubungan menjadi renggang. Namun ada pendialog yang ingin dikekalkan pelbagai aliran sekolah atas maksud mengenali satu sama lain.
- iv- Perbanyakkan kajian tentang perpaduan sedia ada.
- v- Masalah org bukan melayu. Mereka menjauhi sekolah melayu. Darjah 1-tingkat 5; bila result spm keluar, pelajar cemerlang tidak diberi peluang masuk matrik/ universiti. Keadilan ditagih. Semangat patriotisk akan terbina.
- vi- Buku teks sekolah multi etnik. Kena di sekolah rendah ok tapi berkonflik di universiti. Kena belajar bahasa ibunda, termasuk melayu belajar bahasa lain.
- vii- Wujudkan muzium perpaduan di peringkat kebangsaan bagi tujuan pendidikan kemasyarakatan.
- viii- **Disiplinkan Kepimpinan dan ahli politik.** Ahli parti politik kena patuh kepada perlembagaan parti masing-masing bukan kepentingan peribadi emosi.

Pendidikan Agama:

- i- Sistem pendidikan yang berpusatkan agama masing-masing untuk berbaik sesama agama
- ii- Perpaduan di akar umbi melalui agama masing-masing. Agama-tidak kacau, bahkan jaminan kesejagatan. Dalam islam adeen; panduan peraturan Allah yg ada akal
- iii- Terap agama masing di sek. Realiti kini, pelajar bukan Islam diajar pendidikan moral sahaja menyebabkan tiada keinginan kuat menghidupkan agama dalam diri mereka.
- iv- Perlembagaan Persekutuan. Ambil tindak terhadap yang mencabul Islam.
- v- Rukun Negara. Kepercayaan kepada Tuhan perlu direalisasikan dalam pendidikan. Tidak boleh guna Allah oleh agama lain.

- vi- Kuatkuasakan undang-undang, terutama dalam isu. Orang Islam kena selamat manusia sejagat.
- vii- Menjaga sensitiviti semua etnik. contohnya jangan panggil bukan Islam kafir tapi *dhimmi*, orang Cina dan India disuruh balik negara asal. Begitu juga sensitiviti institusi seperti mempersoalkan agensi kerajaan dalam pada tiada bukti menampakkan kepincangannya.
- viii- Keperluan toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat samada merujuk kepada isu agama, etnik mahupun politik.
- ix- Mengemaskinkan sistem pendidikan tadika KEMAS dan PASTI merujuk kepada survival agama dan bangsa.


Konsep Perpaduan sebagai TEORI KESATUAN

Perpaduan bersepadu berteraskan agama, pendidikan dan sosial mengikis pengenalan berorientasikan etnik, jurang ekonomi, status dengan konsep negara bangsa.

Budaya politik negara berpaksikan Islam, Melayu dan bahasa Melayu sebagai tunjang pembinaan negara bangsa. Di bawah sistem pendidikan negara berdasar satu aliran kebangsaan. Pembelajaran semua Ilmu agama kepada setiap penganutnya bagi menggantikan pengajian pendidikan Moral. Kepimpinan politik perlu mematuhi erti perpaduan negara. Perlembagaan dan Rukunegara adalah pengikat perpaduan antara pelbagai etnik di negara ini.

Berdasarkan pembahagian di atas, model dibentuk melalui kepelbagaian tindakan berpusatkan permasalahan.⁴ Sila rujuk model di bawah:


Model 1 : Model Penyatuan Ummah



Perpaduan adalah suatu usaha berterusan, model di atas hanya satu rangkaian biasa menampakkan betapa setiap usul itu perlu disepadukan tanpa disisihkan. Mana-mana permasalahan, tindakan dan teori kesatuan yang dipulihkan atau lengkap perlu diadakan gantinya melalui proses penyelidikan berterusan.

Namun secara lebih afektif, langkah Perpaduan boleh dibentuk melalui pembudayaan semula masyarakat. Lihat sebagaimana model di sebelah:

Model 2: Tindakan Pembudayaan Perpaduan Masyarakat




⁴ Sila rujuk dalam web Modul Pengurusan Strategi bagi Perancangan Tindakan Pengurusan yang disediakan oleh pensyarah UKM; <http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/ts/ibrahim/tm1923/TM1923%20Exploring%20Corporate%20Strategy%20untuk%20Web.doc> dan dalam web: <http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/ts/zakree/ts6213/nota/smebab05v01.pdf> 12 Ogos 2005.

Berdasarkan model 2 ini, teori kesatuan perlu dicabar oleh ancaman dan permasalahan sedia wujud. Langkah merapatkan jurang antaranya adalah satu proses yang serius dan *turning point* yang penting. Dalam langkah tindakan paksinya kelihatan amat jelas iaitu “kepatuhan berAgama, berpendidikan dan bernegara”. Perkara atau isu yang perlu diselesaikan segera dalam proses itu sebelum ia dilihat jaya sebagaimana usul diketengahkan ialah sebagaimana berikut:

- i- Penyelesaian perpaduan kembali pada Islam dan kepatuhan berTuhan (Masyarakat bukan Islam).
- ii- Kikiskan pengenalan berorientasikan etnik dengan konsep negara bangsa.
- iii- Penguatkuasaan Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan.
- iv- Pertahankan hak, kebajikan dan jaminan keselamatan setiap warganegara.
- v- Banteras persepsi prejudis, stereotaip dan etnosentrik yang negatif.
- vi- Mengharmonikan media sosial (massa/elektronik) agar lebih berkreadibiliti.
- vii- Menteri yang jaga perpaduan sebagai Menteri kanan serta perkasakan JPNIN dan MKPN.
- viii- Disiplinkan Kepimpinan dan ahli politik. Ahli parti politik kena patuh kepada perlembagaan parti masing-masing bukan kepentingan peribadi emosi.
- ix- Sistem pendidikan yang berpusatkan agama masing-masing. Agama menjamin kesejagatan. Pengajian pendidikan moral sahaja diajar menyebabkan tiada keinginan kuat menghidupkan agama dalam diri pelajar.
- x- Remaja/Mahasiswa sebagai agen perpaduan.
- xi- Harmonikan institusi pendidikan pelbagai aliran etnik, kepercayaan dan ideologi di bawah pengawasan dan seliaan rapi kementerian pendidikan.
- xii- Perlembagaan dan Perundangan. Ketegasan dalam penguatkuasaan undang-undang.
- xiii- Keperluan toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat samada merujuk kepada isu agama, etnik mahupun politik.
- xiv- Budaya politik negara berpaksikan Islam, Melayu dan bahasa Melayu sebagai tunjang pembinaan negara bangsa.

Secara lebih terperinci, pengkaji turut mengadakan penyelesaian permasalahan ini merujuk kepada strategi berterusan yang boleh digerakkan merujuk kepada institusi melalui pendekatan di bawah:

Diagram perancangan dan tindakan am



Identiti pelaksana

- i- Melibatkan semua pihak dan institusi yang ada kuasa wibawa dan modal sosial. Contoh pelaksana: para pendidik, pemimpin tempatan, ahli perniagaan, pengamal undang-undang, pengguna, artis dan seniman, aktivis kemanusiaan, kakitangan kerajaan dan swasta)
- ii- Institusi seperti negara, institusi pendidikan, media massa dan badan NGO

Identiti sasaran:

- i- Individu
 - a) Masyarakat Islam dan bukan Islam
- i- Institusi
 - a) Institusi Islam
 - b) Institusi pengurusan berorientasikan Islam
 - c) Institusi konvensional

Kategori Tindakan:

- i- Memberi keutamaan kepada kepimpinan kuat berpegangan agama dan intelektual bagi melahirkan masyarakat bertakwa, amanah, waspada, yakin diri, adil dan bersumberkan hukum Allah s.w.t..
- ii- Menghargai nilai tradisi dan agama bukan Islam serta mempertingkatkan amalan agama sebagai cara hidup.
- iii- Mewujudkan usaha memahami Islam dan menginterpretasikannya kepada masyarakat umum di samping mengemukakan persamaan.
- iv- Menggilap potensi sumber daya umat, mengikis perasaan rendah diri dan sikap negatif.
- v- Menggerakkan revolusi mental dan memperkukuhkan sahsiah: berilmu, bertakwa dan dinamis supaya masyarakat tidak diperalatkan.
- vi- *Common denominator* dan semangat kebangsaan Melayu mesti dibina sebagai peneraju pembangunan perpaduan.
- vii- Menghapuskan ethnosentrisme, prasangka, stereotaip dan diskriminasi dalam pada mengambilkira aspirasi terbaik.
- viii- Pembinaan unit masyarakat majmuk yang dinamik, aman, konsisten dan toleransi.
- ix- Pembentukan satu order sosio ekonomi dan sistem politik beridentitikan Malaysia bagi mengawal sensitiviti dan sentimen.
- x- Membentuk teori keseimbangan Perdamaian Dinamis (ukhuwwah Islamiyah dan kehidupan beragama) berpandukan realiti Malaysia.
- xi- Pemilihan kepimpinan/tenaga kerja yang mempunyai nilai diobjektifkan.
- xii- Membentuk kerangka Penyelesaian masalah etika, tatasusila, moraliti, *mores* atau norma hidup berlandaskan nilai Agama / Islam.
- xiii- Mengoptimumkan kekuatan sedia ada (bumiputera, Islam dan kestabilan masyarakat).

PENUTUP

Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan harmoni. Sebagai rakyat Malaysia dengan pelbagai identiti etnik, agama, dan budaya kita mesti berusaha untuk menangani perbezaan kita dengan rendah hati, kewajaran dan keadilan.

MKPN menggesa Kerajaan untuk menegakkan Kedaulatan Undang-Undang dan menggalakkan secara aktif perpaduan negara dengan mengambil tindakan segera terhadap kenyataan pembakar dan tindakan yang provokatif dan boleh membawa kepada konflik dan ketegangan dengan kesan-kesan yang serius yang menjejaskan keamanan, keharmonian dan perpaduan negara.

RUJUKAN

- Majlis Perundangan Perpaduan Negara (MKPN) Dialog Nasional dengan akar umbi Malaysia (Suara Akar UMBI - Suara Akar Umbi) MKPN, Siaran Media Feb 15, 2014.
- National Unity Consultative Council (NUCC) National Dialogue With The Grassroots Of Malaysia (Suara Akar Umbi – Voice of The Grassroots) dalam proham.blogspot.com/2014/02/nucc-media-release-feb-15-2014.htm
- Modul Pengurusan Strategi bagi Perancangan Tindakan Pengurusan yang disediakan oleh pensyarah UKM; <http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/ts/ibrahim/tm1923/TM1923%20Exploring%20Corporate%20Strategy%20untuk%20Web.doc>
- <http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/ts/zakree/ts6213/nota/smebab05v01.pdf> 12 Ogos 2005.
- “Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu’adzam Shah merasmikan pembukaan mesyuarat pertama penggal kedua Majlis Parlimen ke-13 pada 10 Mac 2014. sila lihat <http://www.parlimen.gov.my/index.php>